

Program PKS di semua perkampungan nelayan

BH - 16/2/2006

PM mahu kementerian pastikan rangka aktiviti tingkat taraf hidup

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membentuk program perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di setiap kampung nelayan.

Arahan itu bagi membolehkan lebih ramai nelayan yang ketika ini dikategorikan sebagai golongan miskin terbabit dalam sektor asas tani untuk mengubah taraf hidup mereka.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata selaras arahan itu, beliau mengarahkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyediakan kertas kerja bagi membolehkan satu kampung mengeluarkan produk berasaskan hasil laut seperti keropok dan ikan kering.

Katanya, kementerian akan mempercepatkan usaha merealisasikan program berkenaan dan menjangka boleh dilaksanakan selewat-lewatnya suku kedua tahun ini.

"Kita juga menjangka tidak ada

masalah menjayakan program itu kerana ada peruntukan kepada nelayan yang berminat.

"Kementerian juga menyediakan peruntukan modal RM10,000 hingga RM20,000 kepada mereka yang berminat dan tiada yang dikecualikan. Peruntukan juga tidak terhad kepada nelayan, malah keluarga mereka yang berminat," katanya selepas meninjau Ekspo Industri Asas Tani anjuran Fama di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini semalam.

Ekspo empat hari itu menampilkan kira-kira 50 gerai agensi kerajaan, agensi kerajaan negeri dan sektor swasta dalam industri asas tani.

Sementara itu, Muhyiddin mengumumkan kementerianya akan memperkenalkan Pasar Nelayan yang konsepnya sama seperti Pasar Tani bagi membolehkan nelayan memasarkan sendiri tangkapan kepada orang ramai tanpa melalui orang tengah.

Katanya, Pasar Nelayan akan dibuka di 25 Kompleks Pendaratan Ikan LKIM di seluruh negara.

Beliau berkata, Pasar Nelayan akan menggunakan pendekatan dan konsep Pasar Tani seperti yang dianjurkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

"Bagaimanapun, nelayan menjual sendiri hasil tangkapan setiap hari dan bukan seperti Pasar Tani sekali dan dua kali seminggu," katanya.

Muhyiddin berkata, Pasar Nelayan selaras usaha mewujudkan usahawan nelayan selain mempelbagaikan sumber pendapatan mereka yang sering dilabelkan kumpulan berpendapatan rendah.

Katanya, Pasar Nelayan dijangka menggalakkan lagi aktiviti dan ke-

mudahan di Kompleks Pendaratan Ikan LKIM.

Ditanya mengenai laporan kewujudan semula ladang babi di Bukit Pelanduk Negeri Sembilan, beliau berkata, kawasan berkenaan sudah diwartakan sebagai larangan tempat ternakan babi.

Katanya, kerajaan negeri sudah mengenal pasti kawasan baru di Tanah Merah bagi industri ternak babi.

Pemangku Ketua Pengarah JPH Datuk Dr Mustapa Jalil, berkata beliau sudah mengarahkan pegawai penguat kuasa memeriksa kawasan di Bukit Pelanduk bagi mengesan ladang babi haram di kawasan berkenaan.

Katanya, Pengarah JPH Negeri Sembilan, Dr Latif Borhan mengetuai pemeriksaan itu dan setakat tiada ladang babi di kesan.

"Lori membawa babi yang banyak seperti didakwa bukannya dari kawasan berkenaan sebaliknya dari Melaka yang menggunakan laluan Bukit Pelanduk untuk menghantar babi ke Selangor," katanya.

FAKTA NOMBOR

80,000

Nelayan seluruh negara

80

Persatuan Nelayan Kawasan